

GAGAL DAFTAR PERKESO

48 majikan kena kompaun RM65k

Seremban: Masih ada majikan yang dikesan sengaja enggan mendaftar pekerja masing-masing kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Ia dibuktikan apabila 71 kompaun bernilai RM65,500 dikeluarkan Penguatkuasa Perkeso menerusi Ops Kesan di seluruh Negeri Sembilan sehingga 28 Jun lalu.

Pengarah Perkeso Negeri Sembilan, Nur Mohammad Bakhtiar Mohammad Akhir memaklumkan, sejak operasi dilancarkan 9 Jun lalu, pihaknya sudah melakukan pemeriksaan terhadap 390 majikan atau premis di negeri itu.

“Daripada jumlah keseluruhan premis dilawati, 48 majikan dikenakan kompaun membabitkan 71 kesalahan mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Caruman di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

“Sebahagian besar daripadanya sudah melunaskan kompaun iaitu 38 majikan. Nilai kompaun diselesaikan RM11,250,” katanya.

Beliau berkata, semua majikan menggajikan sekurang-kurangnya seorang pekerja tanpa mengira had gaji dan warga negara adalah diwajibkan mendaftar dengan Perkeso dalam masa 30 hari



Sebahagian besar daripadanya sudah melunaskan kompaun iaitu 38 majikan. Nilai kompaun diselesaikan RM11,250”

Nur Mohammad Bakhtiar

daripada tarikh diambil bekerja.

“Sehingga 31 Disember, statistik menunjukkan 38,985 majikan aktif mendaftar di bawah Akta 4. Namun kami percaya ada majikan belum mendaftarkan pekerja terutama majikan baru,” katanya.

Beliau memaklumkan, Perkeso memberi tempoh pemutihan sepanjang Mei lalu dengan membuka peluang kepada majikan yang layak supaya secara sukarela berbuat demikian sebelum 1 Jun.

“Sepanjang tempoh itu, 224 majikan baharu mendaftar. Ini merekodkan peningkatan 30 peratus berbanding sebelum pemutihan iaitu sebanyak 173 majikan,” katanya.

Nur Mohammad Bakhtiar berkata, sehingga 31 Disember, sebanyak 5,876 individu bekerja sendiri berdaftar di bawah Sektor Pengangkutan Penumpang (e-hailing) serta Sektor Pengangkutan Barangan dan Makanan (p-hailing).

“Manakala, ketika tempoh pemutihan, sebanyak 976 individu bekerja sendiri berdaftar berbanding 729 pada April iaitu peningkatan sebanyak 34 peratus,” katanya.

38,985

Majikan aktif
mendaftar
di bawah Akta 4